

09 MAY 2002

Nik Aziz-Israel

NIK AZIZ MINTA KERAJAAN PULAU BARANGAN AMERIKA DAN YAHUDI

KOTA BAHARU, 9 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mencadangkan supaya Malaysia mendahului negara-negara lain dengan mengambil tindakan tegas memulau barangan tertentu buatan Amerika Syarikat dan Yahudi sebagai bantahan terhadap kekejaman ke atas rakyat Palestin.

Katanya tindakan pemuluan itu lebih baik berbanding bantahan secara lisan dan malahan tindakan itu boleh dicontohi oleh negara-negara lain termasuk Asean dan Eropah bagi menekan Israel yang bertindak keterlaluan terhadap Pelestin.

"Kita pulau barangan dia lebih baik daripada bantahan (lisan). Ini kerana Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lebih hebat daripada Malaysia, apabila buat bantahan tak dipedulikan juga," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata masyarakat antarabangsa juga telah menunjukkan perubahan sikap apabila mula secara terbuka mengecam keganasan Israel yang mendapat sokongan daripada Amerika Syarikat.

Nik Aziz juga menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Umno dan Pas mengetepikan perbezaan fahaman politik dalam menentang musuh Islam iaitu Israel.

Ketika menyampaikan ucapan pada syarahan perdana "Palestin dan Kemanusiaan" di Kuala Lumpur malam tadi yang turut dihadiri Presiden Pas dan beberapa pemimpin kanan parti itu, Dr Mahathir meminta Umno dan Pas bersatu padu sekurang-kurangnya dalam menangni isu Israel-Palestin.

Nik Aziz berharap pertemuan seperti itu akan berulang meliputi perkara-perkara lain yang menyentuh kepentingan dalam negara.

"Saya cukup gembira seakan-akan tidak ada bahasa yang saya boleh lafazkan tentang pertemuan dua presiden ini. Ini satu petanda baik bahawa bangsa Melayu walau dalam keadaan apapun, boleh kita satukan," katanya.

Terdahulu, Nik Aziz menyampaikan cek pampasan insurans Takaful Malaysia bernilai RM82,000 kepada dua balu pekerja Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB), yang terbunuh Mac lepas.

Pekerja AKSB itu, Mohd Jasmee Othman dan Jahari @ Abu Hassan Saat terbunuh selepas sebuah kren menghempap mereka semasa sedang bertugas membersihkan loji AKSB di Air Lanas di Jeli.

Balu Allahyarham Mohd Jasmee, Siti Sara Abdul Razak, 29, menerima pampasan berjumlah RM44,280 manakala balu Allahyarham Jahari, Rohani Hamat menerima sebanyak RM37,728 di bawah Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok.

-- BERNAMA

RAR MAI